3.10.4 Jika sekiranya pelajar terlibat/ditahan/didakwa dengan sebarang kesalahan jenayah, pelajar boleh digantung pengajian sehingga kes selesai atas nasihat pegawai undang-undang universiti.

3.10.5 Jika sekiranya pelajar menghadapi gangguan keselamatan diri / gangguan seksual, pelajar dinasihatkan untuk melaporkan ke pihak polis.

3.10.6 Pelajar hendaklah pada setiap masa menunjukkan tahap disiplin yang tinggi, berkelakuan baik dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Organisasi di mana pelajar ditempatkan. Pelajar ditegah dari membocorkan rahsia dan memberi sebarang maklumat berkaitan urus niaga pihak Organisasi semasa atau selepas menjalani LI.

- 3.10.7 Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan rapi tertakluk kepada etika pemakaian Organisasi.

3.11 Kehadiran

- 3.11.1 Pelajar dikehendaki hadir ke Organisasi dan mematuhi masa bekerja seperti yang ditetapkan oleh Organisasi.
- 3.11.2 Memaklumkan kepada organisasi mengikut kaedah yang sesuai sekiranya terpaksa sampai lewat kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 3.11.3 Pelajar diwajibkan menghadiri sepenuhnya LI.
- 3.11.4 Pelajar yang tidak menghadiri LI bagi tempoh kurang dari 14 hari atas sebab kesihatan (dengan surat pengesahan dari pegawai perubatan yang merawat) dibenarkan untuk melakukan **GANTI HARI** mengikut bilangan hari tidak hadir, dan juga setelah mengambilkira bilangan hari cuti sakit yang diperuntukkan oleh universiti sepatimana yang dipaparkan di Jadual 1.

Tempoh LI	Cuti Sakit
8 minggu	4 hari
10 minggu	5 hari
12 minggu	5 hari
16 minggu	6 hari
24 minggu	6 hari

Jadual 1

- 3.11.5 Pelajar yang tidak menghadiri LI bagi tempoh kurang dari 14 hari atas alasan-alasan lain yang munasabah (Contoh: menjadi wakil universiti ke program khas) yang diterima oleh Fakulti dan Majikan LI, dibenarkan untuk melakukan **GANTI HARI** mengikut bilangan hari yang tidak hadir LI.
- 3.11.6 Pelajar yang tidak hadir LI bagi tempoh melebihi 14 hari, dengan alasan tertentu yang munasabah dan diterima oleh Fakulti dan Organisasi; ataupun atas sebab kesihatan (dengan mengemukakan sijil sakit yang disahkan oleh pegawai perubatan), disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat tempoh latihan industri dan disaran menangguhan pengajian. Penangguhan LI itu tidak diambilkira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan.
- 3.11.7 Perkara 3.11.4, 3.11.5 dan 3.11.6 adalah tertakluk kepada keputusan Fakulti dan Organisasi.

3.12 Kes Gagal Latihan Industri

3.12.1 Pelajar gagal sekiranya:

- 3.12.1.1 Memperoleh Gred C dan ke bawah.**
 - 3.12.1.2 Tidak menghadiri LI melebihi 14 hari tanpa sebab yang munasabah,**
 - 3.12.1.3 Alasan ketidakhadiran tidak munasabah dan tidak diperaku oleh Fakulti atau Majikan,**
 - 3.12.1.4 Tidak menghantar tugas dan buku log pada tarikh yang telah ditetapkan,**
 - 3.12.1.5 Melakukan aktiviti pemalsuan dokumen atau maklumat berkaitan dengan LI seperti; memalsukan surat tawaran, buku log, buku laporan, surat pengakuan kehadiran, sijil cuti sakit dan sijil cuti kematian ahli keluarga terdekat.**
- 3.12.2 Pelajar yang disahkan gagal oleh Senat dibenarkan mengulang keseluruhan kursus LI sebanyak **SATU (1) kali** sahaja di semester yang berikutnya.**

3.13 Penangguhan Latihan Industri

- 3.13.1 Pelajar yang ingin menangguhkan LI perlu mengemukakan permohonan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Dekan selewat-lewatnya minggu ke-3 selepas LI bermula kecuali atas sebab-sebab kesihatan.**
- 3.13.2 LI harus ditangguhkan sekiranya pelaksanaan LI bertindih dengan semester biasa kecuali kes-kes khas yang diterima oleh pihak Universiti. Sekiranya berlaku, pelajar adalah tertakluk kepada peraturan penangguhan pengajian yang termaktub dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008.**
- 3.13.3 Dalam kes tertentu, Fakulti boleh bertindak menangguhkan Kursus Latihan Industri seseorang pelajar.**

3.14 Cuti

3.14.1 Cuti Rehat

Tiada peruntukan bagi Cuti Rehat bagi pelajar yang sedang menjalani latihan industri.

3.14.2 Cuti peristiwa

Apa-apa Cuti Peristiwa (Contoh: cuti tambahan sempena cuti perayaan) yang diberikan oleh pihak Organisasi tidak perlu diganti kecuali diminta berbuat demikian oleh pihak majikan.

3.14.3 Cuti Sakit

Sekiranya pelajar tidak dapat hadir kerana berlaku kecemasan atau **cuti sakit**, pelajar dikehendaki mengambil tindakan berikut:

3.14.3.1 Menghubungi pihak Organisasi LI dan Pensyarah Penyelia dengan segera.

3.14.3.2 Jika sabit dengan kesihatan, pelajar diminta papar atau serah surat cuti sakit yang diperolehi daripada hospital/klinik kerajaan/klinik panel kepada pihak Organisasi LI dan Pensyarah Penyelia.

3.14.3.3 Melampirkan salinan Surat Cuti Sakit dalam Buku Catatan Latihan Industri pada tarikh yang berkenaan.

3.14.3.4 Bilangan hari yang diperuntukkan bagi cuti sakit adalah seperti mana yang dipaparkan di Jadual 1.

Tempoh LI	Cuti Sakit
8 minggu	4 hari
10 minggu	5 hari
12 minggu	5 hari
16 minggu	6 hari
24 minggu	6 hari

Jadual 1.

3.14.3.5 Dalam kes tertentu, Fakulti boleh bertindak atau membuat keputusan menangguhkan Kursus Latihan Industri seseorang pelajar.

3.15 Insurans

3.15.1 Pelajar UPSI dilindungi insurans yang diuruskan oleh Bahagian Perkhidmatan Unit Kebajikan Pelajar, Jabatan Ehwal Pelajar dan Alumni, UPSI.[Talian Hotline: 0195719977/E-mel: skpp.bhep@upsi.edu.my]

3.15.2 Pelajar UPSI yang menjalani LI di luar negara perlu membeli insurans tambahan yang dibiaya oleh pelajar sendiri.

3.15.3 Pelajar luar negara yang menjalani LI di Malaysia, rawatan kesihatan serta ujian saringan kesihatan (seperti ujian SWAB Covid19) dibiaya oleh insurans*.

*Tertakluk pada terma dan syarat

3.16 Kerosakan Harta Benda

- 3.16.1 Sebarang kerosakan harta benda; yang berlaku atas **KECUAIAN PELAJAR** semasa menjalani LI adalah di bawah tanggungjawab pelajar.
- 3.16.2 Sekiranya pelajar diminta menggunakan peralatan yang dianggap bernilai oleh organisasi, pelajar perlu dipantau oleh pihak organisasi. Jika tiada pemantauan semasa peralatan digunakan, sebarang kerosakan yang berlaku adalah di bawah tanggungjawab Organisasi LI.

4.0 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

4.1 Pengenalan

4.1.1 Penempatan LI boleh melibatkan sama ada sektor swasta atau sektor awam berdasarkan kesesuaian program.

4.1.2 Penempatan LI di UPSI dibenarkan, tapi tidak di galakkan.
Sila rujuk infografik Pemohonan Penempatan LI di UPSI

4.2 Persediaan Sebelum Latihan Industri

Sebelum menjalani LI, pelajar dikehendaki terlebih dahulu:

- 4.2.1 Menghadiri taklimat pengenalan LI. Taklimat tersebut dianjurkan oleh Fakulti bertujuan memberi panduan kepada pelajar mengenai:
 - 4.2.1.1 Kursus Latihan Industri;
 - 4.2.1.2 Kaedah memilih dan memohon tempat LI;
 - 4.2.1.3 Kaedah penilaian LI;
 - 4.2.1.4 Kaedah dan teknik berkomunikasi;
 - 4.2.1.5 Keterampilan dan etika; dan
 - 4.2.1.6 Penyediaan laporan-laporan tugas LI.
- 4.2.2 Mendaftar Kursus Latihan Industri semasa sesi Pra-Pendaftaran di **MINGGU KE-8** pada semester sebelumnya.
- 4.2.3 Mencari dan membuat permohonan penempatan LI di Organisasi yang sesuai mengikut keperluan pengajian. Dokumen lampiran semasa membuat permohonan penempatan:
 - 4.2.3.1 Surat akuan pelajar/pengenalan diri;
 - 4.2.3.2 Borang Jawapan Majikan;
 - 4.2.3.3 Transkrip (terkini)
 - 4.2.3.4 Resume
- 4.2.4 Membaca dan memahami Buku Garis Panduan Latihan Industri UPSI.
- 4.2.5 Berjumpa dan berbincang dengan Penyelaras LI mengenai kesesuaian organisasi menjalani LI.
- 4.2.6 Mengisi dan melengkapkan Surat Perakuan Menjalankan Program Latihan Industri Melebihi Tempoh Masa yang ditetapkan oleh UPSI sekiranya pelajar menjalani LI melebihi masa yang ditetapkan oleh UPSI (Jika berkaitan).

4.3 Keperluan Semasa Latihan Industri

Semasa menjalani LI, pelajar diwajibkan:

- 4.3.1 Melapor diri di Organisasi LI pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- 4.3.2 Berjumpa dan berbincang dengan Penyelia Industri yang dilantik oleh Organisasi LI.
- 4.3.3 Mengembalikan Borang Lapor Diri yang telah dilengkapkan kepada Penyelaras dan Pensyarah Penyelia dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri. Serahan borang tersebut sama ada boleh diemel atau dimuatnaik di MyGuru.
- 4.3.4 Sekiranya melibatkan penggunaan asset, pelajar perlu mengisi dan mengembalikan Borang Persetujuan Penggunaan Harta Benda yang telah lengkap kepada PuLaMI dan Fakulti dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri. Serahan borang tersebut boleh dibuat sama ada melalui diemel atau dimuatnaik di MyGuru.
- 4.3.5 Memulakan penulisan catatan harian dan tugas-tugasan lain seperti yang diterangkan di Bahagian 3.8.

4.4 Tindakan Di Minggu Terakhir Latihan Industri

Pelajar hendaklah:

- 4.4.1 Mengingatkan Penyelia Industri supaya mengisi Borang Penilaian dan kemudian menyerahkannya pada Pensyarah Penyelia di minggu terakhir LI.
- 4.4.2 Membuat serahan Buku Log dan Laporan Akhir LI (yang telah disahkan oleh Penyelia Industri) kepada Pensyarah Penyelia di minggu terakhir LI.
- 4.4.3 Bagi serahan dokumen tugasan, pelajar dikehendaki menulis butiran berikut di bahagian muka depan (cover page) bagi memudahkan pengesahan:
 - a) Nama pelajar
 - b) No. Matrik
 - c) Program
 - d) Pengesahan Penyelia Industri (bagi laporan Mingguan dan laporan akhir)

4.5 Penyeliaan

- 4.5.1 Pensyarah Penyelia perlu melakukan lawatan penyeliaan seperti di Jadual 2 sepanjang tempoh LI, kecuali kes-kes khas yang memerlukan penambahan bilangan kali penyeliaan.

Minggu Pelaksanaan LI	Penyeliaan LI
8 minggu	Sekali
10 minggu	
12 minggu	Dua kali
16 minggu	
24 minggu	

Jadual 2

- 4.5.2 Penyeliaan oleh pihak Penyelia Industri bersifat berterusan sepanjang tempoh LI berjalan.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN

5.1 Pensyarah Penyelia

Pensyarah yang dilantik oleh Fakulti (melalui Penyelaras Latihan Industri) untuk melakukan aktiviti bimbingan, pemantauan dan penyeliaan pelajar yang menjalani latihan industri.

5.2 Penyelia Industri

Penyelia Industri dilantik oleh majikan.

5..3 Penyelaras Latihan Industri

Pensyarah yang dicadangkan oleh fakulti dan dilantik oleh PuLaMI, yang mewakili Fakulti/program bagi kerja-kerja merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan kursus Latihan Industri program masing-masing.

5.4 Penyelia Rentas

Penyelia Rentas dilantik oleh Fakulti untuk memantau pelajar LI yang terlibat dalam kes-kes khas yang memerlukan pandangan pihak ketiga.

6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Pensyarah Penyelia

- 6.1.1 Melakukan aktiviti bimbingan, pemantauan dan penyeliaan pelajar yang menjalani latihan industri.
- 6.1.2 Menilai laporan mingguan pelajar
- 6.1.3 Mendapatkan Borang Penilaian Penyelia Industri serta menerima Laporan Akhir dan Buku Log pelajar LI di minggu terakhir.
- 6.1.4 Menilai prestasi pelajar dengan mengisi:
 - 6.1.4.1 Borang Penilaian Pensyarah Penyelia
 - 6.1.4.2 Borang Penilaian Laporan Akhir dan tugas lain (jika ada)
 - 6.1.4.3 Penilaian Keseluruhan Latihan Industri.
- 6.1.5 Berbincang dengan Penyelia Industri tentang prestasi pelajar.
- 6.1.6 Memasukkan markah pelajar kedalam sistem MySIS dalam tempoh yang diberikan.

6.2 Penyelia Industri

- 6.2.1 Menyelia tugas-tugas pelajar semasa LI.
- 6.2.2 Menilai prestasi kerja pelajar di akhir LI dengan mengisi Borang Penilaian Penyelia Industri.
- 6.2.3 Mengesahkan Laporan Mingguan dan Laporan Akhir.
- 6.2.4 Melaporkan dan berbincang dengan Pensyarah Penyelia berkenaan prestasi pelajar LI.
- 6.2.5 Bertanggungjawab memaklumkan kepada Pensyarah Penyelia sekiranya berlaku sebarang masalah berhubung dengan pelajar.
- 6.2.6 Bertanggungjawab memaklumkan kepada Pensyarah Penyelia sekiranya berlaku sebarang kes kecemasan yang melibatkan pelajar.

6.3 Penyelaras Latihan Industri

- 6.3.1 Memberi penerangan dan taklimat kepada pelajar sebelum LI bermula.
- 6.3.2 Penasihat dan pemantauan bagi perkara pemilihan penempatan pelajar LI.
- 6.3.3 Menamakan Pensyarah Penyelia bagi setiap pelajar LI.
- 6.3.4 Memberi penerangan dan taklimat kepada Pensyarah Penyelia tentang tugas mereka serta proses penyeliaan.

- 6.3.5 Memantau proses kemasukkan markah dan menyelaras markah dan gred pelajar LI di peringkat Fakulti.
- 6.3.6 Mengadakan mesyuarat pengesahan markah diperingkat Fakulti sebelum keputusan di bawa masuk ke Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti.

6.4 Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI)

- 6.4.1 Menyediakan dokumen rasmi yang diperlukan sepanjang LI berlangsung. Contoh-contoh dokumen rasmi adalah seperti di lampiran.
- 6.4.2 Membuat hebatan pembukaan sistem pendaftaran penempatan secara dalam talian di MySIS.
- 6.4.3 Meluluskan pendaftaran penempatan LI pelajar di MySIS.
- 6.4.4 Mengingatkan Penyelaras Latihan Industri Fakulti untuk melakukan penamaan Pensyarah Penyelia dalam MySIS.
- 6.4.5 Memantau proses memasukkan markah oleh Pensyarah Penyelia dalam MySIS.
- 6.4.6 Menyediakan laporan markah dan gred pelajar LI; beserta laporan-laporan lain yang berkaitan, untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti.

7.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

7.1 Tujuan Penilaian

- 7.1.1 Mengukur prestasi kerja/latihan pelajar LI dalam bidang masing-masing.
- 7.1.2 Menilai perkembangan sahsiah pelajar LI dan bimbingan.

7.2 Kaedah Penilaian

Penilaian dilakukan pada TIGA (3) peringkat iaitu:

- 7.2.1. Industri (30%)
***Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing**
 - 7.2.1.1 Prestasi pelajar dinilai oleh pihak Organisasi LI dengan menggunakan Borang Penilaian Penyelia Industri.

- 7.2.1.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; pengetahuan, kemahiran kerja, kualiti hasil kerja, disiplin, ketekunan dan minat, kreatif dan inovatif, sikap bekerjasama, personaliti serta kemahiran berkomunikasi.
- 7.2.2. Fakulti (30%)
***Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing**
- 7.2.2.1 Pelajar akan dinilai prestasinya oleh Pensyarah Penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Pensyarah Penyelia.
- 7.2.2.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; pengetahuan, kemahiran kerja, kualiti hasil kerja, disiplin, ketekunan dan minat, kreatif dan inovatif, sikap bekerjasama, personaliti serta kemahiran berkomunikasi.
- 7.2.2.3 Sebagai ringkasan, penilaian di peringkat fakulti terfokus pada;
- a) Kualiti Penulisan Laporan Mingguan
 - b) Kualiti Perlaksanaan Tugasan
 - c) Kualiti Hasil kerja
 - d) Sahsiah
- 7.2.3. Laporan Akhir (40%)
***Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing**
- 7.2.3.1 Prestasi pelajar dinilai oleh Pensyarah Penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri.
- 7.2.3.2 Laporan Akhir Latihan Industri;
- Merupakan sebuah laporan yang lebih menyeluruh tentang kerja-kerja amali dan teori yang dilaksanakan oleh pelajar sepanjang menjalani latihan industri.
 - Laporan Akhir Latihan Industri hendaklah ditulis berpandukan format umum yang disediakan.
 - Lampiran yang berkaitan juga perlu disertakan di dalam laporan ini.
 - Perlu diingatkan, Laporan Akhir Latihan Industri adalah berdasarkan format yang telah ditetapkan dan dibukukan; bukan naskah yang bersifat himpunan borang serta nota gambarajah.
- 7.2.3.3 item-item penilaian Laporan akhir
- Kualiti penulisan secara teknikal
 - Kualiti isi kandungan laporan.

8.0 GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI SECARA DALAM TALIAN

Pengenalan

Latihan Industri (LI) adalah satu syarat wajib dalam program pengajian tertentu sepetimana yang termaktub dalam buku program sarjana muda/diploma bagi program-program yang berkaitan. LI merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi yang dipilih untuk menjalankan latihan praktikal sama ada di dalam ataupun di luar negara dalam jangka masa yang ditetapkan.

Peristiwa Pandemik Covid19 berserta Arahan PKP oleh pihak kerajaan telah memberi kesan langsung pada perlaksanaan Latihan Industri di mana berlaku transformasi dalam proses perlaksanaan sepanjang tempoh tersebut.

Dokumen ini memperincikan skop perlaksanaan Latihan Industri Secara Dalam Talian (Online) mengikut aktiviti-aktiviti yang terlibat iaitu;

- A. Pemantauan
- B. Penyeliaan
- C. Penilaian
- D. Persediaan dan Serahan Tugas

A. PEMANTAUAN

Proses pemantauan pelajar LI oleh Penyelia Industri dan Pensyarah Penyelia secara umumnya bersifat berterusan. Pemantauan secara dalam talian dilaksanakan dengan menggunakan medium WhatsApp, e-mail, dan lain-lain perisian yang memainkan fungsi yang sama.

B. PENYELIAAN

Aktiviti Penyeliaan dalam talian boleh dilakukan samada secara Bersemuka ataupun secara Tidak Bersemuka.

- Bagi yang menjalankan penyeliaan secara Bersemuka, jenis-jenis perisian yang boleh digunakan adalah;
 - Microsoft team, Google Meet, WebEx, WhatsApp Video dan lain-lain perisian yang menjalankan fungsi yang sama;
- Bagi yang menggunakan kaedah Tidak Bersemuka pula perisian yang dicadangkan adalah;
 - Screen-O-Matic, phone video, WhatsApp video, power point slides video dan lain-lain perisian yang menjalankan fungsi yang sama. Kekerapan penyeliaan semasa PKP tidak mengalami perubahan, sebaliknya mengikut bilangan kali penyeliaan yang telah diperuntukkan oleh program tersebut

C. PENILAIAN

- Aktiviti Penilaian oleh Penyelia Industri dijalankan pada dua minggu terakhir LI. Penilaian secara dalam talian menggunakan borang E-Penilaian (dwi-bahasa).
- Pada minggu terakhir, borang E-Penilaian yang telah siap dinilai, hendaklah di tukar ke format PDF, dan di serahkan pada pelajar yang dinilai untuk dimajukan pada Pensyarah Penyelia dengan memuatnaik dokumen tersebut di MyGuru ataupun melalui kaedah lain yang memainkan fungsi yang sama.
- Penyelia Industri, walaubagaimana pun boleh juga membuat serahan borang E-Penilaian secara langsung pada Pensyarah Penyelia dengan mendapatkan e-mel beliau dari pelajar yang diselia.

D. PENULISAN DAN SERAHAN TUGAS

- **Penulisan Catatan Harian & Serahan**
 - Sekiranya pelajar memiliki buku log.
 - Catatan Harian boleh dibuat secara tulisan tangan secara langsung pada buku tersebut.
 - Sekiranya pelajar tidak memiliki buku log.
 - Catatan Harian boleh disediakan secara menaip mengikut format contoh yang boleh diperoleh di Buku Panduan Latihan Industri (yang boleh dimuat turun dari laman web Pulami, UPSI).
 - Jenis-jenis perisian yang dicadangkan adalah Word Doc, PDF atau lain-lain perisian yang memainkan fungsi yang sama.
 - Catatan Harian hendaklah dibuat secara konsisten setiap hari bagi dua tujuan berikut;
 - dijadikan bahan rujukan pelajar semasa membangunkan Laporan Mingguan dan Laporan Akhir.
 - dijadikan bahan semakan semasa proses penyeliaan dan penilaian dijalankan oleh Penyelia Industri dan Pensyarah Penyelia.

- **Serahan Buku Log**

Buku catatan Harian (Buku Log) perlu dibuat serahan di minggu terakhir LI bersama-sama dengan Laporan Akhir dan borang Penilaian Penyelia Industri.

- **Penulisan Laporan Mingguan**

► Sekiranya pelajar memiliki buku log;

- Penulisan Laporan Mingguan boleh dibuat secara secara langsung di bahagian atau mukasurat Laporan Mingguan yang di sediakan di buku tersebut.

► Sekiranya pelajar tidak memiliki buku log;

- Laporan boleh disediakan secara menaip mengikut format contoh yang boleh diperoleh di Buku Garis Panduan Latihan Industri, UPSI.
- Jenis-jenis perisian yang dicadangkan adalah Word Doc, PDF atau lain-lain perisian yang memainkan fungsi yang sama.

- **Serahan Laporan Mingguan**

► Prosedur serahan Laporan Mingguan

- Laporan Minggu yang telah siap hendaklah terlebih dahulu dihantar kepada Penyelia Industri, melalui e-mel, untuk semakan dan pengesahan.
- Pengesahan boleh dibuat melalui atatan perakuan laporan telah disemak dan diperaku, ataupun dengan;
 - menurunkan tandatangan digital sebagai tanda tugasan telah disemak dan diperaku.
 - Setelah siap, Penyelia Industri digalakkan menukar format dokumen ke PDF, dan kemudian kembalikan laporan mingguan yang telah diperaku kepada pelajar untuk dimajukan pada Pensyarah Penyelia dengan memuatnaik dokumen tersebut di MyGuru atau melalui kaedah-kaedah lain yang menjalankan fungsi yang sama.

- **Penulisan Laporan Akhir & Serahan**
 - ▶ Penulisan laporan akhir perlu disediakan secara menaip mengikut format contoh yang boleh diperoleh di Buku Panduan Latihan Industri, UPSI.
 - ▶ Arahan-arahan umum juga ada diberikan di Buku Panduan Latihan Industri.
 - ▶ Penulisan Laporan Akhir perlu dimulakan selewat-lewatnya dua minggu terakhir sebelum latihan industri tamat.
- **Serahan Laporan Akhir** hendaklah dilakukan di Minggu Terakhir latihan industri.

E. RUMUSAN

Pelaksanaan Latihan Industri

Komponen Penilaian	Kaedah
Pemantauan	Dalam Talian
Penyeliaan	
Penilaian	
Tugasan & Serahan	

Jadual 3

F. SERAHAN TUGASAN

Di minggu terakhir, pelajar dikehendaki menyerahkan Laporan Akhir Latihan Industri, Buku Catatan (Log Book) dan Borang Penilaian Penyelia Industri kepada Pensyarah Penyelia.

**Nota:*

PULAMI ingin ingatkan bahawa penjagaan kesihatan diri yang baik perlu diamalkan oleh semua pihak pada setiap masa dan mematuhi sepenuhnya Standard Operating Procedure (SOP) pengawalan penularan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM. Sekiranya mengalami gejala jangkitan, diminta untuk menghubungi Pusat Kesihatan yang berhampiran atau Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan. Perkembangan terkini jangkitan COVID-19 boleh diperolehi melalui laman web rasmi KKM.

Sebarang pertanyaan, boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Pengurusan Latihan Industri,
Pusat Latihan Mengajar Dan Industri,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim,
35900, Perak Darul Ridzuan
Tel.: 01548797216/19

9.0 LAMPIRAN

9.1 FORMAT PENULISAN TUGASAN

- 9.1.1 :Format Laporan Harian [*Daily Report Format*]
- 9.1.2 :Format Laporan Mingguan [*Weekly Report Format*]
- 9.1.3 :Format Laporan Akhir [*Final Report Format*]
- 9.1.4 : Borang Penilaian Laporan Akhir

9.2 INFOGRAFIK

- 9.2.1: Infografik Proses Pelaksanaan Latihan Industri
- 9.2.2: Infografik Garis Panduan Gerak Kerja Pelajar Latihan Industri (LI)
- 9.2.3: Infografik Pendaftaran Penempatan Latihan Industri (Atas Talian)
- 9.2.4: Infografik Permohonan Penempatan Latihan Industri di UPSI
- 9.2.5: Infografik Garis Panduan Penyeliaan, Penyediaan & Serahan Tugas Secara Dalam Talian (Online)

**9.1.1 Format Catatan Harian
[Daily Notes Format]**

CATATAN HARIAN (*Daily Notes*)

TARIKH (DATE): _____		MINGGU (WEEK): _____
MASA (TIME)	TUGASAN (TASK)	

9.1.2 Format Laporan Mingguan
[Weekly Report Format]

LAPORAN MINGGUAN (Weekly Report)

Minggu Ke (Week Number): _____

UNTUK DIISI OLEH PELAJAR (*To Be filled by students*)

Tugasan-tugasan yang di Jalankan Sepanjang Minggu (*Tasks Carried Out Throughout the Week*)

Tugasan-tugasan yang di Jalankan Sepanjang Minggu (*Tasks Carried Out Throughout the Week*)

DISEMAK DAN DISAHKAN OLEH PENYELIA INDUSTRI (*Examined and Verified By Industry Supervisor*)

TANDANGAN DAN COP:
(*Signature And Stamp*)

TARIKH:
(*Date*)

9.1.3 Format Umum serta Panduan Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri
[The General Format and Guide to Industrial Training Final Report Writing]

9.1.3.1 Format Muka Surat Depan Laporan Akhir
[The Final Report Cover Page Format]

Contoh [*Example*]

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS لویزیستی پندیدیقن سلطان ادریس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	
ARIAL 18 or TNR 20	
LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI INDUSTRIAL TRAINING FINAL REPORT	
Kod Kursus LI Arial 14 or TNR 16 [Intership Course Code]	
Semester _____, Sesi (Session) _____	
Arial 11 or TNR 12	
Nama (Name)	:
No Matrik (Matric No.)	:
Kod Program (Program Code)	:
Fakulti (Faculty)	:
Nama Organisasi (Name of Organization)	:
Pensyarah Penyelia (Name of Academic Supervisor)	:
DISEMAK DAN DI SAHKAN OLEH PENYELIA INDUSTRI <i>(To Be Examined and Verified By Industry Supervisor)</i>	
Nama Penyelia Industri (Name of Industry Supervisor)	:
Tandangan Dan Cop: (Signature And Stamp)	:
Tarikh (Date)	:

9.1.3.2 Format Umum Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri [The General Format of Industrial Training Final Report Writing]

1. Spesifikasi Penulisan Laporan Akhir [Final Report Writing Specifications]

Jenis dan Saiz Huruf [Font Type/Size]	ARIAL [11] atau/or TIMES NEW ROMAN (12)
Langkau dalam Teks [Spacing in Main Texts]	1.5
Jidar [Margin]	ATAS (UP): 30mm; BAWAH (BELOW): 26mm; KIRI (LEFT): 38mm; KANAN (RIGHT): 25mm
No. Halaman [Page No.]	Bawah & tengah muka surat [bottom & center of the page]
Kertas dan cetakan [Paper and Printing]	A4; Dicetak dengan jelas [printed clearly]
Jumlah Perkataan [No. Of Words]	2000 patah perkataan (tidak termasuk jadual, rajah , imej serta lampiran [2000 words (not including table, figures, images and appendices)])
Imej [Images]	Lokasi Imej [Image location]: <ul style="list-style-type: none"> Tengah Muka Surat [Center of page] Tajuk [Title]: <ul style="list-style-type: none"> Bahagian bawah dan tengah Imej [lower and center part of the image]
Jadual [Tables]	Lokasi Jadual [Table location]: <ul style="list-style-type: none"> Tengah Muka Surat [Center of page] Lokasi Tajuk [Title Location]: <ul style="list-style-type: none"> Bahagian atas dan tengah Jadual [Upper and center part of the Table]
Rajah [Figures]	Lokasi Rajah [Figure location]: <ul style="list-style-type: none"> Tengah Muka Surat [Center of page] Lokasi Tajuk [Title Location]: <ul style="list-style-type: none"> Bawah & kiri rajah [Below & left side of figure]

9.1.3.3 Struktur Penulisan Laporan Akhir

[Structure Of Final Report Writing]

Nota [Note]:

Penerangan boleh disertakan dengan imej, jadual, rajah dan lampiran.

[The report writing may embed images, tables, figures and attachments]

- i. Muka depan [Cover page]
- ii. Kata-kata Penghargaan kepada Organisasi
[Appreciation Note to Organization]
- iii. Isi kandungan [Table of contents]

[Agihan (Distribution) 10%]

1. PENGENALAN [INTRODUCTION]

Maklumat dan latarbelakang organisasi, serta lain-lain maklumat yang berkaitan. *[Industry's information/background, and other related facts].*

[Agihan (Distribution) 10%]

2. LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI _____ [NAMA ORGANISASI] [INDUSTRIAL TRAINING AT _____ (NAME OF ORGANIZATION)]

Laporan jenis-jenis aktiviti-aktiviti serta tugas-tugasan yang dijalankan sepanjang menjalani latihan berserta;

[Report on the types of activities and tasks carried out during the internship, as well as;]

- i. Objektif yang ingin dicapai bagi tugas yang di beri
[Objective aimed to achieve for each task assigned]
- ii. Cara perlaksanaan
[Execution Method]
- iii. Permasalahan yang dikenalpasti serta cara mengatasi
[Problems that are identified and ways to overcome]
- iv. Prestasi Akhir Tugasan
[End Result Performance]

[Agihan (Distribution) 50%]

3. KESIMPULAN [CONCLUSION]

- i. Menilai tugas yang dilakukan dan mengaitkannya dengan pengetahuan yang dipelajari Di Universiti.
[Evaluate assignments performed and relate them to knowledge learned at the University.]
- ii. Mencadangkan langkah-langkah bagi perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan sepanjang menjalani latihan.
[Propose measures for matters that need improvement throughout the training.]

[Agihan (Distribution) 30%]

4. RUJUKAN [REFERENCES]

5. LAMPIRAN(ATTACHMENT)

9.1.4 Borang Penilaian Laporan Akhir

Lampiran 6
Borang LI.04



BORANG PENILAIAN LAPORAN AKHIR DAN TUGASAN KHUSUS (40%)

Nama Pelajar : _____

No. Matrik Pelajar : _____

Nama Industri : _____

Nama Pensyarah Penyelia:

Tarikh Latihan Industri : _____ hingga _____

BAHAGIAN I: PENILAIAN LAPORAN AKHIR (20%)

ARAHAN: TANDA (/) PADA BAHAGIAN BERKENAAN

Petunjuk:

1 Tidak Memuaskan 2 Kurang Memuaskan 3 Memuaskan 4 Baik 5 Amat Baik

BIL	ITEM PENILAIAN	1	2	3	4	5
A. PENULISAN (20%)						
1 Mengikut format yang disediakan						
2	Penggunaan gaya bahasa dan ejaan					
3	Kekemasan laporan					
4	Susunan penulisan yang teratur					
JUMLAH A (_____ /20 x 20%)		% _____				

B. KANDUNGAN LAPORAN (80%)

1	Menyatakan pengenalan laporan (objektif/skop/ringkasan laporan)					
2	Memperincikan latarbelakang organisasi (profil/carta organisasi/maklumat organisasi)					
3	Menyatakan tugas yang diberikan sepanjang latihan industri					
4	Memperincikan tugas utama yang dilaksanakan					
5	Memperincikan hasil tugas yang dilaksanakan					
6	Memperincikan permasalahan yang timbul dengan perancangan dan tindakan					
7	Mengaitkan hasil industri dengan pembelajaran di kampus					
8	Mencatatkan kesimpulan pengalaman hasil latihan industri					
9	Mencatatkan kesimpulan penulisan laporan					
10	Melampirkan dokumentasi sebagai hasil projek/tugas					
JUMLAH B (_____ /50 x 80%)		%				

BAHAGIAN II: PENILAIAN TUGASAN KHUSUS (20%)

Penilaian tugasan khusus adalah berbeza mengikut kesesuaian fakulti masing-masing dengan memastikan pecahan markah keseluruhan adalah 20 peratus daripada markah keseluruhan Latihan Industri.

JUMLAH BAHAGIAN I (_____ /50 x 80%)	/ 20
JUMLAH BAHAGIAN II	/ 20
JUMLAH KESELURUHAN (BAHAGIAN I & BAHAGIAN II)	/ 40


Tandatangan : _____

Nama & Cop Pensyarah Penyelia: _____

Tarikh : _____

9.2.1. INFOGRAFIK PROSES PENGURUSAN & PERLAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI

INFOGRAFIK PROSES PENGURUSAN & PERLAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI



9.2.2: Infografik Garis Panduan Gerak Kerja Pelajar Latihan Industri (LI)



GERAK KERJA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI (LI) [Industrial Training Students' Guidelines]




Minggu Pertama (1st Week)

1. **LI MULAI** [Internship Begins]
Pelajar melapor diri di industri dan melengkapkan borang lapor diri dengan kerjasama dari pihak majikan
[Students register to an industry and complete the registration form with the cooperation of the employer].
2. **Pelajar Melakukan Pendaftaran Penempatan secara dalam talian (online) di MySIS**
[Students do online Placement Registration at MySIS.]
3. **Pelajar memuat naik borang lapor diri di MyGuru (atau platform lain yang memainkan fungsi yang sama) pada penyelaras LI dan Pensyarah Penyelia**
[Students upload the registration form at MyGuru (or other platform that plays a similar function) to the Internship Coordinator and the Academic Supervisor within one week period].
4. **Pelajar memuat naik borang lapor diri di MyGuru (atau platform lain yang memainkan fungsi yang sama) pada penyelaras LI dan Pensyarah Penyelia**
[Students upload the registration form at MyGuru (or other platform that plays a similar function) to the Internship Coordinator and the Academic Supervisor within one week period].
5. **Penulisan catatan harian dan Laporan Mingguan Pertama bermula.**
[The daily and weekly report writing begins on this week]
6. **Sesi latihan, bimbingan dan pemantauan berterusan oleh Penyelia industri dan pensyarah penyelia bermula pada minggu ini.**
[Continuous training, guiding/coaching and monitoring sessions by Industry and Academic Supervisors begin on this week]
7. **Laporan-laporan mingguan (yang telah diperakur oleh Penyelia Industri) bagi setiap minggu menjalani LI di muat naik di MyGuru, atau menggunakan platform lain yang menjalankan fungsi yang sama.**
[Weekly Reports (verified by the Industry Supervisor) are uploaded at MyGuru (or other platforms that perform the same function)].
8. **Sesi Penyeliaan oleh Pensyarah Penyelia dan Penyelia industri dijalankan dalam tempoh ini.**
[Supervision Sessions by the Academic and Industry Supervisors are conducted within this period].
9. **Dalam tempoh 2 Minggu Terakhir [The last two weeks]**
10. **Pelajar memulakan penulisan Laporan Akhir. [Students start developing the Final Report writing].**
11. **Di minggu terakhir; pelajar membuat serahan dokumen-dokumen berikut ke MyGuru.**
[At the last week, students must submit the following documents to MyGuru].
 - Buku log [Log Book]
 - Laporan Akhir [Final Report]
 - Borang penilaian Penyelia Industri [Industry Supervisor's Assessment Form]
12. **LI TAMAT** [Internship Ends]


Minggu 2 - Minggu 2 Terakhir (2nd week - 2nd. Last week)

Minggu Terakhir (Last Week)


9.2.3: Infografik Pendaftaran Penempatan Latihan Industri (Atas Talian)



9.2.4: Infografik Permohonan Penempatan Latihan Industri di UPSI



9.2.5: Infografik Garis Panduan Penyeliaan, Penyediaan & Serahan Tugas Secara Dalam Talian (Online)



10.0 SURAT-SURAT DAN BORANG-BORANG YANG BOLEH DI MUAT TURUN DARI LAMAN SESAWANG PULAMI (<http://pulami.upsi.edu.my>)

Surat dan borang berkaitan LI boleh dimuat turun di laman sesawang PuLaMI di bahagian Program LI (Rujukan dan Muat Turun/*References and Downloads*)

10.1 Surat-surat LI

- Surat Akuan Pelajar /Pengenalan Diri
- Surat Jawapan Majikan
- Surat Lapor Diri
- Surat Perakuan Menjalankan Program Latihan Industri Melebihi Tempoh Masa
- Dan lain-lain

10.2 Borang-borang LI

- Borang Penilaian Penyelia Industri
- Borang Penilaian Pensyarah Penyelia
- Borang Penilaian Laporan Akhir Dan Tugasan
- Dan lain-lain

